

24/04/1997

IKIM selesai isu Islam lebih khusus

KUALA LUMPUR, Rabu - Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan meneruskan perjuangan menyelesaikan masalah dan isu mengenai Islam yang lebih khusus.

Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata IKIM sebelum ini memilih subjek umum dan akan terus mengorak langkah membincangkan subjek yang lebih mikro.

"Kami akan jalankan strategi ini bermula dengan memecahkan tajuk umum supaya masyarakat boleh dapat gambaran sesuatu isu seperti keadilan atau perindustrian dalam Islam kemudiannya kita ikuti program mikro yang lebih khusus.

"Jadi, di samping yang umum, IKIM sudah memecahkan subjek yang khusus seperti etika perniagaan dalam Islam dan pemindahan organ dalam Islam," katanya.

Beliau mengulas mengenai Simposium Antarabangsa Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persediaan Untuk abad Ke-21 yang akan diadakan di Hotel Sunway Lagoon Resort di Petaling Jaya, mulai Jumaat ini.

Seminar dua hari anjuran IKIM dan Universiti Oxford itu akan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21'.

Ahmad Sarji berkata, kejayaan IKIM bergantung kepada sejauhmana peserta program yang dianjurkan dapat memahami konsep dan subjek yang dibentangkan kepada mereka.

Tugas IKIM ialah membasmi pemikiran yang tidak betul dan menjelaskan fahaman Islam sebenar kepada semua pihak membabitkan semua persoalan dunia termasuk sistem angkasa lepas.

"Peranan IKIM amat luas manakala hasil daripada perbincangan dan seminar yang dijalankan akan disebarkan kepada masyarakat terbanyak melalui Internet IKIM yang akan dilancarkan kelak," katanya.

Berita Harian yang menyambut ulang tahun ke-40nya, dilantik menjadi akhbar rasmi simposium ini.

(END)